

KETERANGAN AM

1.	Kementerian	:	Kewangan
2.	Jabatan	:	Kastam Diraja Malaysia
3.	Tajuk Mesyuarat	:	Mesyuarat Panel Perundingan Kastam-Swasta, Bil. 1/2004.
4.	Tarikh	:	18 Februari 2004
5.	Masa	:	10.00 pagi
6.	Tempat	:	Bilik Mesyuarat Utama, Ibu Pejabat Kastam Diraja Malaysia, Aras 3 Utara, Kompleks Kementerian Kewangan, Presint 2, Putrajaya.

AGENDA MESYUARAT

Agenda 1	:	Ucapan Pengerusi
Agenda 2	:	Ucapan Pengerusi Bersama
Agenda 3	:	Mengesahkan Minit Mesyuarat Bil.1/2003
Agenda 4	:	Membincangkan Perkara Berbangkit
Agenda 5	:	Membincangkan Usul-Usul Baru
Agenda 6	:	Hal-Hal Lain

**SENARAI KEHADIRAN
MESYUARAT PANEL PERUNDINGAN KASTAM-SWASTA
BIL.1/2004**

<i>BIL.</i>	<i>NAMA</i>	<i>JAWATAN/ PERTUBUHAN</i>
1.	Y.Bhg. Datuk Abdul Rashid bin Haji Bolong	Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) Pengerusi
2.	Encik RS Raja Kumaran	Dewan Perniagaan Dan Perindustrian Antarabangsa (MICCI) Pengerusi Bersama
3.	Encik Azis bin Yacub	Penolong Kanan Pengarah Kastam Unit Perhubungan Awam (Setiausaha)
4.	Y.Bhg. Dato' Zaleha binti Hamzah	Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Operasi)
5.	Y. Bhg. Dato' Mohd. Rajion bin Mat Idin	Pengarah Kastam Negeri Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur
6.	Encik Zainol Abidin bin Din	Pengarah Kastam Negeri Pulau Pinang
7.	Encik Ibrahim bin Jaapar	Pengarah Bahagian Pengurusan Sumber Manusia & Kewangan
8.	Tuan Haji Mohd. Bin Osman	Pengarah Bahagian Perancangan Korporat
9.	Encik Chuang Chu Chuan	Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat
10.	Tuan Haji Syed Yusof Fadzil bin Syed Sailudin	Pengarah Bahagian Perkhidmatan Teknik
11.	Tuan Haji Mohamed Ibrahim bin Bahari	Pengarah Bahagian Cukai Dalam

<i>BIL.</i>	<i>NAMA</i>	<i>JAWATAN/ PERTUBUHAN</i>
12.	Puan Hjh. Halimah binti Salleh	Timbalan Pengarah Kastam Cawangan Import/Eksport, Penumpang dan Penggudangan
13.	Tuan Haji Mohd. Shuib bin Khalid	Timbalan Pengarah Kastam Cawangan Cukai Perkhidmatan
14.	Puan Hjh. Azizah binti Idris	Timbalan Pengarah Kastam Cawangan Cukai Jualan
15.	Tuan Haji Bani bin Roslan	Timbalan Pengarah Kastam Cawangan Eksais, Petroleum & Levi
16.	Tuan Haji Abdul Razak bin Yaacob	Timbalan Pengarah Kastam Cawangan Pengurusan Penjenisan, Tarif, Penggubalan & Gazet
17.	Tuan Haji Ishak bin Doh	Timbalan Pengarah Kastam Cawangan Perakaunan Hasil
18.	Tuan Haji Mohd. Adnan bin Ariffin	Timbalan Pengarah Kastam Cawangan Khidmat Sokongan Dan Marin
19.	Tuan Haji Sudin bin Sahak	Timbalan Pengarah Kastam Cawangan Siasatan Khas
20.	Tuan Haji Mohd. Jamaraji bin Mohd. Awab	Timbalan Pengarah Kastam Cawangan Narkotik
21.	Puan Poshpawathy a/p K. Pillai	Penolong Kanan Pengarah Kastam Bahagian Kastam
22.	Encik Abdul Rahman bin Nordin	Penolong Kanan Pengarah Kastam Cawangan Pengurusan Penilaian & Pasca Import
23.	Encik Saadon bin Mohd. Dros	Penolong Kanan Pengarah Kastam Bahagian Kastam

<i>BIL.</i>	<i>NAMA</i>	<i>JAWATAN/ PERTUBUHAN</i>
24.	Encik Ibrahim bin Kaimi	Penolong Kanan Pengarah Kastam Cawangan Pengurusan Penilaian & Pasca Import
25.	Encik Aidid bin Tajuddin	Penguasa Kastam Unit Perhubungan Awam
26.	Encik Mohammad Hafiz bin Ishak	Penguasa Kastam Unit Perhubungan Awam
27.	Encik See Zoo Thai	Penguasa Kastam Unit Perhubungan Awam
28.	Cik Noorlida binti Ibrahim	Penguasa Kastam Unit Perhubungan Awam
29.	Puan Zuraidah binti Mohd. Kamal	Dewan Perniagaan Dan Perindustrian Antarabangsa (MICCI)
30.	Puan Lee Ah Yem	Kassim Chan Tax Services Sdn. Bhd
31.	Encik Yeoh Cheng Guan	Kassim Chan Tax Services Sdn. Bhd
32.	Encik Peter Lim Thiam Kee	Institut Setiausaha Dan Pentadbiran Berkanun Malaysia (MAICSA)
33.	Encik Tang Kok Kee	Institut Setiausaha Dan Pentadbiran Berkanun Malaysia (MAICSA)
34.	Puan Kulwant Kaur	Institut Setiausaha Dan Pentadbiran Berkanun Malaysia (MAICSA)
35.	Puan Norhaiza binti Jemon	Institut Setiausaha Dan Pentadbiran Berkanun Malaysia (MAICSA)

<i>BIL.</i>	<i>NAMA</i>	<i>JAWATAN/ PERTUBUHAN</i>
36.	Encik Soo Huk Kheong	Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA)
37.	Encik Fabian Pereira	Institut Percukaian Malaysia (MIT)
38.	Encik A.Jayaratnam	Institut Percukaian Malaysia (MIT)
39.	Encik Wong Heng Choon	Institut Percukaian Malaysia (MIT)
40.	Encik Harpal Singh	Institut Percukaian Malaysia (MIT)
41.	Encik Alan Chung	Institut Percukaian Malaysia (MIT)
42.	Encik Tony Seah	Institut Percukaian Malaysia (MIT)
43.	Encik Lokman bin Yaacob	Kontena Nasional Berhad
44.	Encik Zainal Abidin bin Ibrahim	Kontena Nasional Berhad
45.	Encik Walter Culas	Airfreight Forwarders Association Of Malaysia (AFAM)
46.	Encik Chang Sheng Shaw	Airfreight Forwarders Association Of Malaysia (AFAM)
47.	Encik Wong Yim Fatt	Gabungan Dewan-Dewan Perniagaan Dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM)
48.	Encik Kho Weng Kooi	Gabungan Dewan-Dewan Perniagaan Dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM)

<i>BIL.</i>	<i>NAMA</i>	<i>JAWATAN/ PERTUBUHAN</i>
49.	Encik Krishnan	Persekutuan Penghantaran Fret Malaysia (FMFF)
50.	Encik Kamaruddin bin Mohd. Nor	Persekutuan Penghantaran Fret Malaysia (FMFF)
51.	Puan Pauline Tee	Persekutuan Penghantaran Fret Malaysia (FMFF)
52.	Encik Toon Teng Fatt	Persekutuan Penghantaran Fret Malaysia (FMFF)
53.	Encik Shamsuddin bin Ab. Rahman	Persekutuan Penghantaran Fret Malaysia (FMFF)
54.	Puan Prunella Phoong (Labuan)	Persekutuan Penghantaran Fret Malaysia (FMFF)
55.	YM Raja Abd. Aziz bin Raja Musa	Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM)
56.	Dr. Tan Luck Pheng	Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM)
57.	Encik Boon Oon Seang	Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM)
58.	Puan Shamini Sakthinathan	Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM)
59.	Cik Chong Li Wei	Institut Akauntan Malaysia (MIA)
60.	Encik Jason Boey	Institut Akauntan Malaysia (MIA)
61.	Encik Lau Haw Chong	Malaysia Association Of Company Secretaries (MACS)

<i>BIL.</i>	<i>NAMA</i>	<i>JAWATAN/ PERTUBUHAN</i>
62.	Encik Mohd. Salimi bin Ahmad	Malaysia Association Of Company Secretaries (MACS)
63.	Encik V. Muthiah	Persekutuan Wakil-Wakil Perkapalan Malaysia (FOMSA)
64.	Encik Gopal Krishnan	Persatuan Wakil-Wakil Perkapalan Pelabuhan Klang (PKSAA)
65.	Encik Ong Kian Yew	Persatuan Industri Komputer Dan Multimedia (PIKOM)
66.	Encik Aziz bin Saad	Dewan Perniagaan Dan Perusahaan Melayu Malaysia (DPMM)
67.	Encik Aziz bin Jafary	Dewan Perniagaan Dan Perusahaan Melayu Malaysia (DPMM)
68.	Encik Cheok Tuan Boon	Persatuan Ampunya Lori Pan Malaysia (PMLOA)
69.	Encik M. Shegar	Persatuan Pemilik-pemilik Kapal Antarabangsa Malaysia (ISOA)
70.	Encik Khu Heong Chye	Persatuan Pemilik-pemilik Kapal Antarabangsa Malaysia (ISOA)
71.	Encik Charles Subramaniam	Persatuan Pemilik-pemilik Kapal Antarabangsa Malaysia (ISOA)

AGENDA 1

UCAPAN PENERUS

MESYUARAT dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Datuk Abdul Rashid bin Haji Bolong, Timbalan Ketua Pengarah Kastam Malaysia (Pengurusan).

Beliau mengucapkan tahniah kepada YBhg. Encik RS Raja Kumaran dari MICCI kerana dilantik menjadi Pengerusi Bersama bagi mewakili pihak Swasta.

Pengerusi mengalu-alukan kehadiran semua Ahli Mesyuarat dan menyampaikan salam hormat dari YBhg. Tan Sri Abdul Halil bin Abd. Mutalib, Ketua Pengarah Kastam Malaysia yang tidak dapat hadir kerana urusan lain di luar pejabat.

Pengerusi memaklumkan, sehingga sekarang Kastam Diraja Malaysia telah mempunyai hubungan yang baik dengan pihak Swasta. Beliau melahirkan harapannya agar kerjasama yang lebih kukuh dapat dijalin sepanjang tahun 2004 ini. Oleh itu beliau meminta pihak Kastam dan Swasta bertindak secara lebih gigih untuk menyelesaikan mana-mana isu yang masih belum selesai untuk kepentingan bersama.

Sempena dengan Hari Kastam Sedunia Kali Ke-XXII, Pengerusi memaklumkan tema yang dipilih untuk Majlis Sambutan tahun ini ialah '*Pematuhan Berteraskan Integriti*'. Tema ini dipilih untuk menunjukkan bahawa Kastam amat serius dalam memastikan peraturan-peraturan Kastam dipatuhi secara berintegriti.

Selain itu, Pengerusi meminta pihak Swasta melihat isu '*integriti*' dalam skop yang lebih luas. Ia bukan sekadar menyentuh soal rasuah, sebaliknya berkaitan dengan keupayaan semua pihak untuk mematuhi peraturan Kastam dengan betul dan sempurna.

Pengerusi berkata, dalam setengah keadaan Kastam dan Swasta dilihat gagal mematuhi peraturan-peraturan Kastam kerana sebab-sebab tertentu. Beliau berpendapat, masalah ketidakpatuhan ini boleh diatasi sekiranya Kastam dan Swasta bermuafakat dan berganding bahu mencari jalan penyelesaiannya secara bersama.

Pengerusi juga memaklumkan bahawa Kastam Diraja Malaysia ialah sebuah agensi penguatkuasa undang-undang. Oleh itu peraturan-peraturan yang dibuat oleh Kastam Diraja Malaysia sebenarnya selaras dengan fungsi ini. Beliau berharap pihak Swasta dapat memahami mengapa dalam masa-masa tertentu Kastam Diraja Malaysia terpaksa membuat suatu peraturan yang ketat. Beliau menjelaskan Kastam terpaksa bertindak sedemikian bagi memastikan dasar-dasar negara dilaksanakan dengan sempurna.

Walau bagaimanapun Pengerusi memaklumkan Kastam Diraja Malaysia tetap berusaha untuk menyediakan berbagai kemudahan kepada pihak Swasta, termasuk menyediakan saluran perhubungan supaya pihak Swasta dapat menyampaikan permintaan atau mengemukakan masalah kepada pihak Kastam. Antaranya ialah melalui saluran Panel Perundingan Kastam-Swasta dan Hari Bertemu Pelanggan.

Oleh itu Pengerusi meminta kedua-dua pihak tidak mencari kelemahan atau menyalahkan satu sama lain apabila timbul sesuatu masalah. Sebaliknya beliau menyeru mereka menggunakan saluran Panel Perundingan Kastam-Swasta atau Hari Bertemu Pelanggan, termasuk mengadakan perbincangan di peringkat Kastam Negeri untuk kebaikan kedua-dua pihak dan kesejahteraan negara.

AGENDA 2

UCAPAN PENGERUSI BERSAMA

YBhg. Encik R.S Raja Kumaran mengucapkan tahniah kepada Kastam Diraja Malaysia kerana dapat menganjurkan Mesyuarat Panel Perundingan Kastam-Swasta pada tahun ini.

Beliau berkata pihak Swasta menganggap pertemuan melalui Panel Perundingan Kastam-Swasta ini merupakan satu peluang terbaik untuk mereka mengemukakan masalah dan mengemukakan cadangan bagi menyelesaikan isu-isu dari kedua-dua pihak.

Oleh itu, beliau berharap Mesyuarat Panel Perundingan Kastam-Swasta pada tahun ini dan pada masa akan datang dapat diadakan sebanyak dua kali setahun walau tiada usul-usul baru yang dikemukakan oleh pihak Swasta. Ini kerana pihak Swasta menganggap pertemuan melalui Panel ini telah dapat merapatkan hubungan di antara pihak Swasta dengan Kastam Diraja Malaysia.

Beliau juga mengucapkan tahniah kepada Kastam Diraja Malaysia kerana berjaya menguatkuasakan AHTN walau ia dilihat dilaksanakan dalam keadaan yang cepat. Beliau berkata tiada masalah besar yang timbul dalam melaksanakan AHTN ini.

Selain dari meminta Kastam Diraja Malaysia berusaha menjadikan peraturan-peraturan Kastam lebih transparan, beliau seterusnya memaklumkan pihak Swasta akan sentiasa memberi sokongan terhadap usaha-usaha Kastam Diraja Malaysia untuk menjadikan peraturan Kastam dipatuhi dengan penuh integriti.

AGENDA 3

MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT BIL.2/2002

1. **Pembetulan Minit Mesyuarat Bil.1/2003**

**Agenda 5, Membincangkan Usul-Usul Baru.
Mukasurat 16.**

Usul Baru Bil. 4 tiada dalam Minit Mesyuarat. Oleh itu, selepas *Bil.3*, masukkan perkara berikut:

BIL	PERKARA	KEPUTUSAN	TINDAKAN
4.	Upgrading CJ5/ CJ5A/ CJ5B Forms To Computer Printable Forms FMM mencadangkan penambahbaikan Borang CJ5/CJ5A/CJ5B sedia ada kepada <i>Computer Printable Forms</i> supaya akan meningkatkan kecekapan.	Kedudukan Perkara ini akan dikaji secara bersama oleh Bahagian Perancangan Korporat, Bahagian Teknologi Maklumat, Bahagian Kastam dan Bahagian Cukai Dalam berdasarkan kesesuaian perkembangan KDRM masa kini.	Bahagian Perancangan Korporat

2. **Pengesahan Minit Mesyuarat Bil.1/2003**

Minit Mesyuarat Panel Perundingan Kastam-Swasta 1/2003 disahkan oleh Encik RS Raja Kumaran dari MICCI dan disokong oleh Encik Walter Culas dari AFAM.

AGENDA 4

MEMBINCANGKAN PERKARA BERBANGKIT

BIL	PERKARA	KEPUTUSAN	TINDAKAN
1.	CLASSIFICATION OF COMPUTER PERIPHERALS AND DUTY APPLIED PIKOM mengusulkan pembentukan kategori-kategori tambahan untuk alat-alat sampingan komputer (computer peripherals). Sebagai contoh, speaker komputer tidak sepatutnya diklasifikasikan sebagai speaker audio jika ia hanya boleh digunakan bersama komputer sahaja. Oleh itu PIKOM mencadangkan Kastam mengklasifikasikan kembali alat-alat sampingan itu sebagai peralatan komputer dan seterusnya dikecualikan dari duti atau cukai.	Kod Tarif di bawah Kepala 85.06 telah pun diwujudkan untuk '<i>bateri komputer notebook</i>' dalam Belanjawan Negara yang berkuatkuasa pada 12.09.2003. Barangan seperti '<i>speaker</i>' dan '<i>cable</i>' yang juga mempunyai deskripsi khusus diperjeniskan mengikut kod tarif masing-masing.	Untuk Makluman
2.	SALES TAX EXEMPTION ON COMPONENTS OF LOCALLY MANUFACTURED PRODUCTS Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM) mengusulkan supaya Kerajaan memansuhkan cukai jualan 10 % keatas komponen-komponen pembersih air (<i>water purifier</i> – 8421.99.900) yang dikilangkan secara tempatan untuk memastikan barangan keluaran tempatan berdayasaing dalam pasaran domestik kerana barang siap yang diimport (imported finished goods – 8421.21.000) tidak dikenakan cukai jualan.	Perkara ini telah dikemukakan kepada Perbendaharaan. Sebarang keputusan mengenainya akan dimaklumkan.	Untuk makluman
3.	UPGRADING CJ5/CJ5A/CJ5B FORMS TO COMPUTER PRINTABLE FORMS Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM) mencadangkan penambahbaikan Borang CJ5/CJ5A/CJ5B sedia ada kepada <i>Computer Printable Forms</i> supaya akan meningkatkan kecekapan.	Format untuk Upgrading Borang CJ5/CJ5A dan CJ5B dalam bentuk <i>Computer Printable Forms</i> telah siap dirangka oleh Kastam Diraja Malaysia dan telah dimasukkan ke dalam agenda Mesyuarat Jawatankuasa Mengkaji Keberkesanaan Undang-Undang Jabatan (JKMKUJ) untuk dikemukakan ke Pejabat Peguam Negara.	Untuk Makluman

BIL	PERKARA	KEPUTUSAN	TINDAKAN
4.	SALES TAX EXEMPTION ON GOODS RETURNED FMM meminta pihak Kastam supaya kembali menggunakan syarat sebelum 1 Januari 2000 dimana pengecualian cukai jualan ke atas barangan yang dipulangkan masih sah untuk tempoh satu tahun dari tarikh pembelian.	Perbincangan telah diadakan dengan Perbendaharaan. Perbendaharaan tidak bersetuju dengan tempoh satu (1) tahun kerana tempoh tiga (3) bulan yang diberi adalah mencukupi selaras dengan peruntukan Seksyen 31(b) Akta Cukai Jualan 1972 dan 19 (c)(a) di bawah Perintah Cukai Jualan 1972.	Untuk makluman
5.	TAX ON ACCEPTABLE TRANSIT LOSS FOR OIL AND GAS PRODUCTS AND CHEMICAL PRODUCTS IN BULK LIQUID FORM FMM meminta KDRM menerima pemiawaian yang diamalkan oleh industri petrokimia atas 0.5% kehilangan yang boleh diterima apabila pengiklanan import dibuat terhadap bahan-bahan cairan pukal.	Selepas kajian dibuat, polisi sekarang dikekalkan.	Untuk makluman
6.	VALUATION FOR EXCISE DUTIES Berdasarkan Akta Eksais (Pindaan) (No.2) 2002, takrif nilai untuk duti eksais dapat disimpulkan sebagai berkonsep 'notional' bagi barangan keluaran tempatan dan berkonsep positif untuk barangan import. MICCI mengusulkan supaya kaedah penilaian keatas barangan keluaran tempatan dan barangan import diseragamkan kepada konsep penilaian positif.	Cadangan pindaan telah dikemukakan kepada Perbendaharaan dengan sokongan Kastam Diraja Malaysia. Perbendaharaan telah bersetuju dengan cadangan ini. Pindaan mengenainya akan selesai dalam masa yang terdekat.	Untuk makluman

BIL	PERKARA	KEPUTUSAN	TINDAKAN
7.	ASEAN HARMONIZED TARIFF NOMENCLATURE (AHTN) MICCI berharap supaya KDRM dapat memaklumkan perkembangan terbaru mengenai isu AHTN dimana Malaysia masih belum menandatangani. Pemberitahuan secukupnya tentang tarikh pelaksanaan tariff baru dan taklimat-taklimat kepada pelanggan-pelanggan tentang struktur kod baru amat dialu-alukan.	Malaysia telah menandatangani <i>'Protocol Governing The Implementation of the ASEAN Harmonized Tariff Nomenclature'</i> (AHTN) di Manila pada 7 Ogos 2003 dan melaksanakannya pada 1 Januari 2004. Taklimat mengenainya telah dilakukan secara berperingkat di seluruh negara.	Untuk makluman
8.	MANAGEMENT SERVICE TAX MIA mencadangkan KDRM memberi definisi yang jelas untuk setiap perkhidmatan dan bukan sekadar senaraikan jenis-jenis perkhidmatan.	Kastam Diraja Malaysia telah mengemukakan cadangan dengan sokongan kepada Perbendaharaan pada 18.11.2003 dan berada dalam tindakan pihak Perbendaharaan.	Untuk makluman
9.	SERVICE TAX EXEMPTION ON INTRA – GROUP SERVICES MIT memaklumkan bahawa perkhidmatan dalam sesuatu kumpulan yang disediakan kepada pihak ketiga, terutamanya syarikat <i>'associate'</i> tidak mendapat pengecualian cukai perkhidmatan dan MIT mencadangkan syarikat <i>'associate'</i> diberi pengecualian cukai perkhidmatan.	Taklimat mengenainya telah dilakukan oleh Kastam Diraja Malaysia.	Untuk makluman

AGENDA 5

MEMBINCANG USUL-USUL BARU

BIL	PERKARA	KEPUTUSAN	TINDAKAN
1.	Duty Drawbacks. In the last Customs-Private Sector Consultative Panel meeting held on June 14, 2003, it was announced that the time period to process, approve and pay duty drawbacks that fall under Section 99, Customs Act 1967 is within 21 days. FMM request that Customs adhere to the 21 days as stated in its client charter. This would enable manufacturers to plan and finance their exports efficiently.	Kastam Diraja Malaysia bersetuju dengan cadangan ini dan memohon maaf di atas kesulitan yang dihadapi oleh pemohon. Pada dasarnya setiap proses permohonan pulang-balik cukai akan diselesaikan dalam tempoh 21 hari dari tarikh permohonan diterima dengan syarat permohonan dikemukakan dengan lengkap dan jelas.	Untuk makluman
2.	Interpretation of Tariff Codes for Import Duty and Sales Tax. Members informed that the interpretation of tariff codes for import duty or sales tax differs from station to station. FMM request that Customs standardise its interpretation of tariff codes to be applicable to all stations.	Kastam Diraja Malaysia bersetuju dengan usul ini dan akan berusaha untuk menyeragamkan kod tarif perjenisan seluruh negara melalui kawalan Ibu Pejabat.	Untuk makluman
3.	Sales Tax Exemption on Duty Order 2004 – Ethyl Alcohol Ethyl alcohol is already denatured and therefore cannot be used for human consumption but for industry use. The value of the product is only RM3.00 per litre however the excise duty imposed is RM14.10 per litre. Therefore FMM request that the excise duty of the ethyl alcohol be reviewed to reduce the adverse impact of the imposition of excise duty on the industry.	Cadangan telah dikemukakan ke Perbendaharaan dan telah mendapat persetujuan Perbendaharaan. Perintah Duti berkenaan dalam tindakan untuk digazetkan.	Untuk makluman

BIL	PERKARA	KEPUTUSAN	TINDAKAN
4.	Dasar Baru Agen Kastam. Pada pengetahuan FOMSA, 'freighters' dan 'consolidators' tidak tertakluk kepada kelulusan Kastam atau memerlukan Lesen Kastam di bawah Akta Kastam 1967. FOMSA juga berpendapat Syarikat Perkapalan (Agen Perkapalan) hendaklah dikecualikan daripada agenda di atas mengikut ucapan YAB Menteri pada Bajet 2003.	1. Pindaan keatas terminologi 'Agen' dalam Perintah Tetap Kastam Bil.45 telah dibuat di mana 'freighters' dan 'consolidators' yang tertakluk di bawah Seksyen 90 Akta Kastam 1967 adalah mereka yang mengendalikan urusan berhubung dengan import atau eksport barang-barang atau bagasi atau kemasukan atau pelepasan mana-mana vessel atau pesawat udara. 2. Untuk Agen Perkapalan, tempoh sah kelulusan lesen ialah 2 tahun. Tempoh 1 tahun dikenakan kepada pemegang lesen yang belum menjalani Kursus Agen dan boleh dilanjutkan tempoh 1 tahun lagi secara automatik. 3. Kursus untuk Agen Perkapalan ditangguhkan pelaksanaannya.	Untuk makluman
5.	ASEAN Harmonised Tariff Nomenclature The ASEAN Harmonised Tariff Nomenclature has been effective from 1 January 2004. To facilitate trading, it is proposed that a window period be provided whereby manufacturers/ exporters are allowed to use the current 9 digit coding for a period of 3 months from 1 January 2004.	Polisi ini telah ditetapkan oleh kerajaan dan hendaklah berkuatkuasa pada 1 Januari 2004.	Untuk makluman

BIL	PERKARA	KEPUTUSAN	TINDAKAN
6.	WTO Valuation of Imported Goods. Effective from 1 January 2000 the WTO Valuation Agreement was adopted by Malaysia. The Chamber notes that when importers apply for a decision on valuation from Customs or submit responses to the Customs questionnaires pertaining to the value of imported goods, decisions by Customs are late in coming. It is recommended that Customs should take at the most 3 months to make a valuation decision.	Cadangan ini dipersetujui oleh Kastam Diraja Malaysia. - Keputusan penilaian akan dikeluarkan dalam masa tiga bulan dari tarikh permohonan lengkap diterima, dan bergantung kepada tahap kerjasama dari agensi awam lain yang berkaitan, jika ada, seperti Jabatan Pertanian, Jabatan Kesihatan, Jabatan Kimia dan sebagainya. - Keputusan Penilaian akan disertakan dengan jelas. - Penyelarasan ke atas Nilai Transaksi perlu diikrar dalam Borang KIA pada konsaimen.	Untuk makluman
7.	Sales Tax Exemption. a) Sales tax exemption application takes too long to be approved. b) Ruling may differ from station to station with respect to application for renewal of CJ No. 5. It is proposed that Customs should reduce the processing /approval time to 4 working days instead of 7 working days. It is recommended that Customs should standardize the time frame to submit renewal at least 2 weeks before each expiry as practiced by Customs Wilayah Persekutuan.	Cadangan ini dipersetujui oleh Kastam Diraja Malaysia. - Proses kelulusan CJ5 akan diselesaikan dalam masa 4 hari dari tarikh permohonan lengkap diterima. - Amalan pemerosesan pembaharuan CJ5 seperti di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur akan diseragamkan di semua Stesen Kastam.	Untuk makluman

BIL	PERKARA	KEPUTUSAN	TINDAKAN
8.	Queries There should be a time frame for decision-making on queries. It is proposed that Customs reply within 3 months any application made and provide reasons for such decision.	Kastam Diraja Malaysia bersetuju dengan cadangan ini. Setiap kuiiri akan diselesaikan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh surat diterima bergantung kepada tahap kerjasama dari agensi awam lain yang berkaitan.	Untuk makluman
9.	Classification of Goods There are differences in the classification of items between countries. It is suggested that Customs seek a resolution with the countries concerned to harmonize the classification of goods.	Kastam Diraja Malaysia bersetuju dengan cadangan ini dan akan mengenangkannya di media rundingan yang sesuai di peringkat antarabangsa. Dalam Sistem HS bagi dagangan, hanya enam (6) angka pertama dalam mana-mana nombor kod tarif adalah sama dan digunakan di antara negara-negara. Jumlah bilangan angka selebihnya adalah terpulang kepada sistem skruktur tarif sesuatu negara itu berdasarkan kepada kepentingan perdagangan negara masing-masing. Dengan perlaksanaan skruktur AHTN di antara negara-negara ASEAN, adalah diharapkan pencapaian ke arah penyeragaman dalam penjenisan dagangan dapat direalisasikan.	Untuk makluman

BIL	PERKARA	KEPUTUSAN	TINDAKAN
10.	LMW There is no clear policy on third party warehouse by LMW companies to store their raw materials/finished products. Recently, due to additional manufacturing space requirement, a company applied for another space extension of LMW licence with Exel Logistic non-bonded warehouse but was put on hold by Cawangan Pengilangan Berlesen Bayan Lepas although similar application was approved by Cawangan Penggudangan Pulau Pinang previously. 1) It is suggested that Customs should give approval for any logistics activities which would generate revenue for the country. 2) It is proposed that Customs should standardize the procedure and regulation and ensure consistency. As similar approval had been granted previously for the existing operations, the following application should be approved.	Kastam Diraja Malaysia menerima baik cadangan ini. Satu kajian terperinci sedang dilakukan dan keputusan akan diberi dalam sedikit masa lagi.	Bahagian Kastam
11.	Payment of Back Duty/Tax. At present, Customs can demand for and collect any back duty/tax which is underpaid by the concerned taxable person although an application to the Ministry of Finance for a waiver for such duty/tax is pending. It is recommended that demand and payment for back duty/tax should only be made when the Ministry of Finance has made a decision.	Tuntutan dan pungutan duti/cukai/penalti hendaklah dibuat dahulu walaupun masih menunggu keputusan remisi dari Menteri Kewangan.	Untuk makluman

BIL	PERKARA	KEPUTUSAN	TINDAKAN
12.	Sales Tax on Intermediate Goods Customs impose sales tax on intermediate goods, which are manufactured in-house in the course of manufacturing finished goods that are non-taxable. It is suggested that Customs should discontinue levying sales tax on such intermediate goods.	Kastam Diraja Malaysia bersetuju dengan usul ini dan cadangan mengenainya telahpun dikemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk mengecualikan aktiviti tersebut di bawah Jadual B, Perintah Cukai Jualan (Pengecualian Daripada Pelesenan) 1997. Bagaimanapun, bagi 'intermediate goods' yang dijual kepada pembeli lain, cukai akan dikenakan dan syarikat perlu dilesenkan.	Untuk makluman
13.	Discrepancy in the sales tax treatment between a licensed manufacturer with repacking activities and a person who solely carries on repacking activities Item 8, Schedule B of the Sales Tax (Exemption from Licensing) Order exempts a person other than a licensed manufacturer who is carrying on the repacking of bulk goods into smaller packages from the requirement of applying to be licensed as a licensed manufacturer. The RMC should confirm the way in which the exemption will be interpreted and applied. If the interpretation would be that sales tax would be chargeable in the circumstances, MIT would like to propose that the law on exemption from licensing on the repacking activities be amended to enable non-discrimination of licensed manufacturers carrying out repacking activities.	Kastam Diraja Malaysia bersetuju dengan cadangan ini. Kajian terperinci akan dilakukan berkaitan dengan aspek-aspek teknikal dalam peraturan Kastam. Perbincangan lanjut akan ditetapkan di antara dua pihak untuk tindakan seterusnya.	Bahagian Cukai Dalam

BIL	PERKARA	KEPUTUSAN	TINDAKAN
14.	Payment of duty/tax under protest using bank guarantee pending appeal of classification decision by RCM. At present, companies who have made an appeal on the classification decision of RMC are required to pay duty/tax under protest on the goods that are subject to a tariff classification appeal. MIT would like to suggest that a Senior Officer of RMC be given the authority to grant such approval in order to expedite the approval process.	Setiap syarikat dikehendaki membayar cukai-cukai terlibat walaupun berhasrat untuk membuat bantahan. Pengecualian mengenainya bukanlah satu '<i>standard-practice</i>'. Ia hanya boleh diberikan oleh Ketua Pengarah Kastam atas alasan yang munasabah. Dalam hal ini kuasa Ketua Pengarah Kastam hanya diperturunkan kepada Pengarah Kastam Negeri sahaja.	Untuk makluman
15.	Submission of letter and response MIT would like to suggest that the RMC to revert to us within a week from the submission of our letters, notifying us the officer in-charge/processing officer to facilitate our communication with the relevant officers. This will also help to expedite the lead time required by RMC to distribute files to the respective officers.	Kastam Diraja Malaysia bersetuju dengan cadangan ini. Surat akuan terima akan dikeluarkan oleh Kastam dalam masa 7 hari dan akan menyatakan nama pegawai yang boleh dirujuk bagi tujuan susulan.	Untuk makluman

BIL	PERKARA	KEPUTUSAN	TINDAKAN
16.	Jaminan Bank Customs stations to allow the use of bank guarantee as security by local manufacturers selling goods to customers whose exemption application is pending approval. Customs import stations now only allow bank guarantee to be used as security for 3 months where application for exemption is pending approval whilst bank guarantee is valid for 1 year (as required by Customs). Where MOF takes longer than 6 months to approve application, Customs sometimes refuse extension for the period. Request for bank guarantee to be allowed as security until MOF issues outcome of applications.	Kastam Diraja Malaysia bersetuju dengan cadangan. Jaminan Bank pada prinsipnya perlu diperbaharui bagi setiap 6 bulan.	Untuk makluman
17.	I.T SERVICES TAX. We would like to seek clarification from Customs on which areas of services attracts service taxes. 1. Supply Chain Management. 2. Enterprise Transaction Improvement. 3. Advanced Technology Development. 4. Business Intelligence Services and Data Warehousing. 5. Systems Support	Kastam Diraja Malaysia bersetuju dengan perkara yang dibangkitkan. Bahagian Cukai Dalamn telah membuat persetujuan dengan PIKOM untuk mengadakan perbincangan khusus mengenai perkara tersebut.	Untuk makluman

BIL	PERKARA	KEPUTUSAN	TINDAKAN
18.	Requirement By Royal Customs For Form 9 With Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Logo We have been informed by some members that the Royal Customs Department requires companies to produce a certificate of incorporation (Form 9) bearing the SSM logo before they are able to clear their goods from customs checkpoints. We suggest that SSM issue a circular to notify staff of the Royal Customs Department that the old certificates of incorporation issued by ROC are still valid and applicable and companies should not be required to produce new certificates of incorporation.	Kastam Diraja Malaysia bersetuju dengan cadangan ini.	Untuk makluman
19.	SMK-Dagang Net System The present SMK-Dagang Net System was initially implemented on 04th. April, 1994 for Port Klang and for the air-freight industry on 01st. October 1995. Up to this point of time both the systems are not fully automated and do not facilitate full online clearance despite numerous SMK Dagang Net meetings with our Association. Thus, our Association propose that a new SMK Dagang Net system with using the latest technology available be seriously looked into with a view of its valuable contribution to our aviation industry.	Kastam Diraja Malaysia bersetuju dengan cadangan ini. Peningkatan tahap kecekapan sistem ini secara komprehensif sedang diambil untuk kebaikan semua pihak.	Untuk makluman
20.	Processing Of Forwarding Agents' License The current practice of the submission for renewal of the Forwarding Agents' license is two months prior to the expiry date. The Royal Malaysian Customs has fixed the expiry dates of the forwarding licenses as 30th.June and 31st. December for each year. The Forwarding Agents complies to the above practice of submission. The Royal Malaysian Customs should accord their approval within a month on receipt of renewal notice from the forwarding agents.	Kastam Diraja Malaysia bersetuju dengan cadangan ini. Kelewatan yang berlaku sebelum ini hanya membabitkan beberapa pemegang lesen yang gagal mengemukakan dokumen lengkap atau gagal memenuhi syarat-syarat pembaharuan.	Untuk makluman

BIL	PERKARA	KEPUTUSAN	TINDAKAN
21.	Renewal Of Forwarding Agents' License On the issue of renewal of Forwarding Agents' license the Royal Malaysian Customs enforced a mandatory requirement on forwarders to re-submit all the earlier documents (total 15 documents) which was already submitted to them during their earlier renewal application of their licenses. The administration process should be simplified further with the minimum number of documents required as presently the customs department are fully automated and have the documents from the earlier submissions.	Kastam Diraja Malaysia bersetuju dengan cadangan ini dan akan mempertimbangkannya untuk kemudahan pemegang lesen.	Bahagian Kastam
22.	One Stop Centre For Air Industry The administration duties of the Royal Malaysian Customs is currently being carried out by respective State Authorities which are based outside the vicinity of the Airports especially for KLIA and Penang International Airport. This has caused a lot of inconvenience to the industry players due to its distance and incurring additional costs and time wastage.	Kastam Diraja Malaysia bersetuju dengan cadangan ini dan akan mempertimbangkannya secara menyeluruh sebelum keputusan dibuat.	Bahagian Kastam
23.	Conflicting Administration The conflicting administration process of the Royal Malaysian Customs KLIA and Royal Malaysian Customs Subang Airport (LTAB Subang) since it comes under the jurisdiction of the Royal Malaysian Customs Federal Territory although they are located in Selangor. This is not practicable as there is no uniformity of the operation hours of both the departments especially when it comes to Public Holidays as either one of them will be closed for business. For smooth implementation of this administrative process The Royal Malaysian Customs at KLIA and LTAB Subang should operate in conformity with the Royal Malaysian Customs, Federal Territory.	Kastam Diraja Malaysia bersetuju dengan cadangan ini dan akan memberi pertimbangan sewajarnya.	Bahagian Kastam

BIL	PERKARA	KEPUTUSAN	TINDAKAN
24.	Golden Client Forwarding Agents who possess clean customs records such as those who have good governance, clean records, trust worthiness, high integrity etc. are not accorded special privileges in expediting customs clearance. The Royal Malaysian Customs should come up with package to award such organizations with the view of expediting their job functions besides contributing to the growth of business for our country.	Kastam Diraja Malaysia bersetuju dengan cadangan ini dan akan mempertimbangkan lain-lain ganjaran dan insentif kepada pihak berkenaan. Pada masa sekarang terdapat Syarikat Penghantaran yang menerima Anugerah Sijil Perkhidmatan Emas telah diberi keistimewaan untuk menikmati tempoh kelulusan Lesen Agen sehingga 5 tahun.	Bahagian Kastam
25.	Poor Management In KLIA Cargo Village There is poor management and lack of control over the current huge work force of customs personnel at KLIA Cargo Village due to its present offices geographical locations, which are far from the Royal Malaysian Customs Federal Territory and Headquarters, Putrajaya or state level administration. The fixtures of CCTVs at strategic points at the customs clearance/examinations at Airports and Sea Ports areas, will enable better monitoring of their customs personnel and ensure efficient process flow.	Kastam Diraja Malaysia menerima usul ini untuk kajian lanjut.	Bahagian Kastam
26.	Decisions Not Implemented At State Level The official meetings convened by the Royal Malaysian Customs, Headquarters in previous years where issues were agreed upon with our Associations are not being implemented at KLIA Cargo Village and in the case of Port Klang the implementation was not carried out properly and subsequently did not benefit the industry as a whole. The Royal Malaysian Customs should act expeditiously and correctly on the issues agreed upon and with an objective of close monitoring and enhancement of the agreed issues.	Kastam Diraja Malaysia bersetuju dengan cadangan ini.	Untuk makluman

BIL	PERKARA	KEPUTUSAN	TINDAKAN
27.	Complaints Unheeded The request of the Royal Malaysian Customs Headquarters, to provide full details of shortcomings of the customs personnel are being carried out by the industry.	Kastam Diraja Malaysia bersetuju dengan cadangan ini dan sedang mengambil tindakan untuk mengatasinya.	Untuk makluman
28.	New Customs Agent Policy Courses On the issue of the Royal Malaysian Customs courses, we were made to understand the concerned department only conducts two examinations sessions in a year. Therefore, the lapse period for the two examination sessions as provided by the customs departments currently would be insufficient and counter productive. We propose Royal Malaysian Customs to conduct examinations on completion of each course conducted by the Association i.e. 20 in year 2004.	Kastam Diraja Malaysia telah membuat keputusan bahawa peperiksaan akan diadakan 3 kali setahun.	Untuk Makluman
29.	Discussion With Association On New Procedures Royal Malaysian Customs must convene a final meeting with the Association to agree on the final draft of the proposed directives or procedures before implementation. Sufficient time then must be given before implementation.	Kastam Diraja Malaysia bersetuju dengan cadangan ini dan akan memaklumkan kepada Persatuan sekiranya ada prosedur-prosedur baru.	Untuk makluman

BIL	PERKARA	KEPUTUSAN	TINDAKAN
30.	51% Bumiputra Equity In Forwarding Companies Currently as specified in the NEP Policy, all the Forwarding Agents approved under Customs Act 1967 are subjected to the following condition: a) New Agencies must have Bumiputra participation of at least 51 per cent with regard to share capital, management and personnel. This requirement however does not apply to the following : - Companies and Agencies which is fully owned by Malaysian citizens. - Agencies whose status falls under that of a Sole Proprietorship, partnership or family ownership. - Company/Agency which has been approved by the Customs to act as forwarding/shipping agent under Section 90 of the Customs Act prior to 1976. These guidelines were issued as a directive from Customs Headquarters to stations and is officially effective as from 9th. August 1990. Therefore our contention is that the requirements as stated in the NEP Policy be strictly adhered to. This matter should be seriously looked into and executed immediately.	Ketetapan kuota ini merupakan dasar kerajaan. Kastam Diraja Malaysia akan mempertimbangkan cadangan yang dikemukakan.	Bahagian Kastam

AGENDA 6

HAL-HAL LAIN

BIL	PERKARA	KEPUTUSAN	TINDAKAN
1.	Wakil Persekutuan Penghantaran Fret Malaysia memaklumkan ia tidak membawa apa-apa usul dalam mesyuarat ini kerana isu-isu yang dibangkitkan oleh ahlinya seluruh Malaysia telah dikemukakan kepada Pejabat Kastam Negeri di negeri-negeri yang berkenaan. Umpamanya masalah ahli di Johor telah dibawa ke Pejabat Kastam Negeri Johor untuk diselesaikan.	Mesyuarat mengambil maklum perkara ini.	Untuk Makluman
2.	Wakil dari FOMSA memaklumkan sebahagian ahlinya diluluskan Lesen Agen untuk tempoh 1 tahun sahaja kerana gagal memenuhi syarat kuota ekuiti Bumiputera.	Mesyuarat mengambil maklum perkara ini.	Untuk Makluman
3.	Wakil dari FOMSA memaklumkan Kastam Diraja Malaysia kerap meminta pemohon mengemukakan dokumen-dokumen syarikat dalam setiap urusan sedangkan dokumen tersebut sudah ada dalam simpanan Kastam sebelumnya. Oleh itu FOMSA meminta dokumen syarikat yang sudah dikemukakan untuk satu urusan tidak perlu dikemukakan lagi bagi urusan yang lain kerana Kastam mempunyai sistem maklumat SMK yang boleh dicapai seluruh negara. Wakil dari FOMSA berharap dokumen-dokumen yang telah dikemukakan semasa memohon Lesen Agen tidak perlu dikemukakan lagi semasa membuat permohonan Pembaharuan Lesen Agen dan Permohonan Baru Lesen Agen bagi Cawangan di tempat/negeri lain untuk memudahkan urusan.	Mesyuarat mengambil maklum perkara ini.	Untuk Makluman

BIL	PERKARA	KEPUTUSAN	TINDAKAN
4.	Wakil MICCI memaklumkan pihaknya akan menganjurkan satu bengkel dengan Bahagian Pencegahan Ibu Pejabat pada bulan April 2004 untuk sama-sama berusaha membasmi kegiatan penyeludupan.	Mesyuarat mengambil maklum perkara ini.	Untuk Makluman
5.	Wakil AFAM memaklumkan sekiranya syarat Jaminan Bank yang dikenakan terhadap Gudang Kastam ditukar kepada Bon Am, ia akan dapat membantu masalah kewangan syarikat.	Mesyuarat mengambil maklum perkara ini.	Untuk Makluman
6.	Wakil AFAM meminta Kastam Diraja Malaysia mengambil berat masalah birokrasi di KLIA, masalah pembaharuan Lesen Agen dan isu berkaitan tempoh sah Lesen Agen.	Mesyuarat mengambil maklum perkara ini.	Untuk Makluman
8.	Puan Soria bt Osman, Penolong Kanan Pengarah Kastam, Bahagian Perkhidmatan Teknik, Ibu Pejabat telah menyampaikan Taklimat 'ASEAN-China Free Trade Area' kepada Ahli Mesyuarat.	Mesyuarat mengambil maklum perkara ini.	Untuk Makluman
9.	Wakil ACCCIM memaklumkan dalam pelaksanaan AHDN, terdapat sedikit masalah perbezaan klasifikasi kod tariff di antara Kastam Malaysia dan Kastam Thailand ke atas sebahagian barang dagangan. Wakil FMFF memaklumkan terdapat masalah dalam pelaksanaan AHDN di mana tiada kod tariff yang sesuai digunakan terhadap dagangan ' <i>personal effects</i> ' dan SMK tidak dapat menerima kemasukan kod tarif 6 digit.	Mesyuarat mengambil maklum perkara ini.	Untuk Makluman

AGENDA 7

UCAPAN PENUTUP DAN PENANGGUHAN

Ucapan Pengerusi Bersama

YBhg. Encik Raja Kumaran mengucapkan tahniah kepada Kastam Diraja Malaysia kerana telah berjaya mengendalikan mesyuarat ini dengan teratur.

Beliau melahirkan perasaan gembira bagi pihak Swasta kerana banyak usul-usul lama dan baru telah dapat diselesaikan dengan baik.

Beliau mengucapkan terima kasih kerana Kastam Diraja Malaysia juga bersedia untuk memberi pertimbangan lanjut terhadap isu-isu yang belum dapat diselesaikan.

Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada Kastam Diraja Malaysia kerana telah memberikan satu Taklimat Khas bertajuk '*ASEAN-China Free Trade Area*' dalam mesyuarat ini. Beliau berkata taklimat itu telah memberi banyak manfaat kepada pihak Swasta dan berharap taklimat-taklimat sedemikian dapat diadakan pada mesyuarat yang akan datang.

Beliau berharap maklumat-maklumat tersebut dan maklumat mengenai sebarang pindaan Perintah Duti Kastam dimasukkan ke dalam Laman Web Kastam supaya semua pihak akan menerima maklumat tersebut dengan cepat.

Ucapan Pengerusi Bersama

Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Panel kerana telah memberi kerjasama yang baik dalam mesyuarat ini.

Beliau mengucapkan terima kasih kepada pihak Swasta kerana membuat teguran mengenai kelemahan Pegawai Kastam demi untuk kebaikan bersama. Beliau berkata teguran seperti itu dapat mendorong Kastam Diraja Malaysia membuat penilaian samada apa yang telah dilakukan sebelum ini benar-benar telah memenuhi kehendak pelanggan.

Pengerusi juga meminta mana-mana ahli yang bercadang untuk memberikan Taklimat Khas dalam mesyuarat akan datang dapat mengemukakannya kepada Urusetia untuk dimasukkan ke dalam Agenda Mesyuarat.

Pengerusi meminta semua keputusan yang telah dibuat melalui mesyuarat kali ini dilaksanakan sepenuhnya oleh kedua-dua pihak, terutamanya isu yang berkaitan dengan Dasar Baru Ajen.

Beliau meminta semua Pengarah Kastam memberi kefahaman sepenuhnya kepada semua Pegawai Kastam di negeri masing-masing mengenai keputusan-keputusan mesyuarat.

Manakala bagi pihak Swasta, Pengerusi memaklumkan mereka boleh bertemu dengan Ketua Pengarah Kastam Malaysia dan semua Timbalan Ketua Pengarah Kastam sekiranya tidak berpuashati dengan tahap pelaksanaan oleh Kastam mengenai keputusan-keputusan yang telah dipersetujui.

Mengenai soal integriti, Pengerusi memaklumkan Kastam Diraja Malaysia tidak akan berkompromi dalam mengambil tindakan yang tegas terhadap mana-mana pihak yang didapati melanggar peraturan. Oleh itu beliau berterima kasih kepada pihak Swasta kerana bersedia untuk bekerjasama dengan Kastam dalam menangani hal tersebut.

Akhir sekali, Pengerusi memaklumkan mana-mana usul yang ditolak oleh Kastam Diraja Malaysia bukan suatu keputusan akhir. Pihak Swasta boleh majukan kepada pihak-pihak lain yang berkaitan.

Beliau memaklumkan Kastam Diraja Malaysia sendiri bersedia untuk mengubah peraturan-peraturannya yang sedia ada apabila perlu supaya selaras dengan setiap perubahan yang berlaku dalam dasar negara dan perubahan lain dalam perniagaan.

PENANGGUHAN MESYUARAT

Penangguhan : Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.30 tengahari.

Mesyuarat Akan Datang : Akan dianjurkan oleh AFAM.
Tarikh dan Tempat akan ditentukan kemudian.

.....
[**AZIS BIN YACUB**]
Setiausaha,
Mesyuarat Panel Perundingan
Kastam-Swasta,
1/2004.

Tarikh: 20 Februari 2004

.....
[**DATUK ABDUL RASHID BIN HJ. BOLONG**]
Pengerusi,
Mesyuarat Panel Perundingan Kastam-Swasta,
1/2004.

Tarikh: 20 Februari 2004